



## PUSAT PENAMBAHBAIKAN AKADEMIK & PEMBANGUNAN KEPIMPINAN (ADEC) UNIVERSITI MALAYA

**GARIS PANDUAN PENGECUALIAN PEMAKAIAN PERATURAN MEWAJIBKAN KAKITANGAN AKADEMIK MENGIKUTI KURSUS ASAS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN [*EMERALD TEACHING & LEARNING (T&L) FORMERLY KNOWN AS TEACHING PROGRAM FOR NEW LECTURER (TPNL)*] SEBAGAI SALAH SATU SYARAT WAJIB UNTUK DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN DI UNIVERSITI MALAYA (UM)**

### 1.0 LATAR BELAKANG

Institusi Pengajian Tinggi khususnya Universiti Awam bertanggungjawab untuk melahirkan modal insan yang kompeten, berinovasi, berdaya saing serta berakhhlak mulia untuk memenuhi keperluan pendidikan negara. Pusat Penambahbaikan Akademik & Pembangunan Kepimpinan (ADEC) Universiti Malaya adalah pusat yang bertanggungjawab menjalankan kursus ini. Kursus ini dilaksanakan khusus bagi kakitangan akademik UM bertujuan untuk memberi pendedahan dan memantapkan kefahaman kakitangan akademik mengenai kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran. Kursus ini juga merupakan keperluan untuk pengesahan di dalam perkhidmatan bagi kakitangan akademik di UM.

Berhubungan dengan itu, Pengurusan Universiti telah bersetuju untuk mewajibkan setiap kakitangan akademik mengikuti kursus *Teaching Program for New Lecturer (TPNL)* sebagai salah satu syarat wajib untuk disahkan dalam perkhidmatan di Universiti Malaya.

### 2.0 HASIL PEMBELAJARAN

Hasil pembelajaran bagi *EMERALD Teaching & Learning (T&L)* adalah seperti berikut:

*EMERALD Teaching & Learning (T&L)* juga dikenali sebagai TPNL sebelum ini adalah kursus intensif selama lima hari yang dirancang untuk melengkapkan ahli akademik UM dengan kemahiran asas yang penting untuk keperluan pengajaran di peringkat pendidikan tinggi pada umumnya dan di UM khususnya. Peserta akan didedahkan kepada aspek asas pengajaran, termasuk falsafah asas dan pedagogi, amalan pengajaran dan pembelajaran yang terbaik serta aspek khusus pengajaran di UM dalam konteks pendidikan tinggi termasuk bengkel asas kepada *platform e-pembelajaran UM (SPeCTRUM)*. Pada akhir kursus ini, peserta seharusnya boleh:

1. Mempunyai kepercayaan dan falsafah pengajaran tersendiri
2. Mengenalpasti motivasi pelajar dan gaya pembelajaran
3. Merancang arahan yang berkesan
4. Memilih strategi pengajaran yang sesuai dengan kemahiran insaniah
5. Mewujudkan satu persekitaran pembelajaran yang berintegrasikan teknologi
6. Mengenal pasti kaedah alternatif untuk menilai hasil pembelajaran
7. Mengenal pasti cara yang berbeza untuk bilik kuliah dengan berkesan

### **3.0 MAKLUMAT KURSUS**

Nama Kursus:	<i>EMERALD Teaching &amp; Learning (T&amp;L)</i>
Pelaksanaan kursus:	3 kali dalam setahun
Kumpulan Sasaran:	Kumpulan Pengurusan & Profesional (Akademik) yang baru dilantik dan hendak mendapatkan pengesahan dalam jawatan
Jangkamasa:	30 jam
Mod latihan:	Pembelajaran Teradun
Penilaian:	Penilaian sepanjang kursus
Penceramah:	Dalam / Luar

### **4.0 PENGECUALIAN MENGIKUTI KURSUS**

Pensyarah yang telah mengikuti modul-modul yang setara seperti modul-modul terkini *EMERALD Teaching & Learning (T&L)* di institusi pengajian tinggi, institusi pendidikan atau penawar program pembangunan profesional bidang T&L boleh memohon kelulusan pengecualian daripada pihak ADEC dengan memenuhi keperluan berikut:

- a) Pemohon perlu mengemukakan sinopsis kursus yang telah dihadirinya yang setara supaya boleh dinilai kandungannya
- b) Kursus setara yang dihadiri tersebut mestilah tidak melebihi tempoh 5 tahun kebelakang dari tarikh permohonan pengecualian (sekiranya melebihi tempoh 5 tahun, permohonan tersebut tidak akan dipertimbangkan).
- c) Pertimbangan khas untuk kes-kes khusus akan dipertimbangkan dengan budi bicara

### **5.0 KAEDAH PERMOHONAN & PEMPROSESAN**

Pemohon perlu menghantar surat atau emel rasmi permohonan kepada Pengarah ADEC dengan menyertakan maklumat-maklumat yang berkaitan seperti modul dan sijil latihan setara yang pernah diikuti sebelum ini.

Permohonan yang lengkap akan diproses dalam tempoh masa sebulan dengan melalui perbincangan jawatankuasa khas yang dianggotai oleh Pengarah dan sekurang-kurangnya seorang Ketua Unit ADEC.

Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui emel kepada pemohon dan disalinkan ke Bahagian Pengurusan Insan UM.

Disediakan oleh:

Pusat Pembangunan dan Penambahbaikan Akademik (ADEC), Universiti Malaya.